

ENG EE EE  
Iwn.  
**HEW AH CHOO & SATU KES LAGI**

Mahkamah Tinggi Malaya, Muar  
Zainal Azman Aziz H  
[Guaman Sivil No: 22NCVC-140-11-2012 & 22NCVC-47-04-2012]  
26 Februari 2014

*Kontrak: Pemecahan — Sama ada notis penamatkan adalah sah — Peruntukan terma perjanjian jual beli antara plaintiff dan defendant pertama memberi tempoh 14 hari sebelum notis penamatkan boleh berkuatkuasa — Notis penamatkan defendant pertama kepada plaintiff berkuatkuasa secara serta merta — Sama ada notis defendant pertama sah — Sama ada defendant pertama sengaja melanggar peruntukan tersebut — Sama ada notis defendant pertama menafikan hak plaintiff untuk membuat remedi kepada apa-apa pemecahan yang berlaku keatas perjanjian tersebut*

*Kontrak: Perjanjian jual beli — Tindakan spesifik — Defendant pertama menamatkan perjanjian jual beli dengan plaintiff dan memindahmilik hartaanah kepada defendant kedua — Sama ada defendant kedua membuat apa-apa bayaran bagi pembelian hartaanah tersebut — Sama ada defendant kedua adalah pembeli bona fide hartaanah tersebut — Sama ada perlaksanaan spesifik boleh dikenakan terhadap defendant kedua — Akta Relief Spesifik 1950, s 26(b)*

Plaintif telah membeli sebuah rumah kedai tiga tingkat (“hartaanah tersebut”) daripada Bersatu-BHV Sdn Bhd (“defendant pertama”), menurut sebuah Perjanjian Jual Beli (“perjanjian tersebut”). Plaintiff telah mendapat pinjaman daripada pihak bank untuk membayai pembelian hartaanah tersebut. Berikutnya itu, pihak bank telah membuat pindaan kepada jumlah pinjaman asal yang dipersetujui oleh plaintiff, dan terdapat lebihan jumlah pinjaman tersebut (“jumlah tersebut”) yang harus dibayar oleh plaintiff kepada defendant pertama sebelum pinjaman dilepaskan. Plaintiff telah berkali-kali membuat cubaan untuk membayar jumlah tersebut kepada defendant pertama, namun defendant pertama enggan untuk menerima jumlah tersebut. Oleh yang demikian, plaintiff telah menyerahkan sebuah cek (“cek tersebut”) melalui kourier kepada defendant pertama untuk jumlah tersebut. Bagaimanapun, defendant pertama telah menamatkan perjanjian pada 26 February 2011 (“notis menamatkan perjanjian”) secara unilateral dan telah memulangkan cek tersebut kepada plaintiff. Justeru itu, hartaanah tersebut telah di pindahmilik oleh defendant pertama kepada Ketua Pegawai Operasi defendant pertama (“defendant kedua”). Plaintiff mendakwa bahawa, notis menamatkan perjanjian tersebut tidak mengikut terma didalam perjanjian tersebut (“terma perjanjian”) dan tidak sah. Dengan itu, plaintiff telah memfaikkan tindakan untuk menuntut, antara lain, perlaksanaan spesifik oleh defendant pertama terhadap perjanjian tersebut; perlaksanaan spesifik terhadap defendant kedua untuk memindahmilik hartaanah tersebut kepada plaintiff; deklarasi bahawa surat penamatkan defendant

pertama adalah tidak sah dan terbatal; deklarasi bahawa pindahmilik harta tanah tersebut dari defendant pertama kepada defendant kedua adalah tidak sah; injuksi menghalang kedua-dua defendant daripada melupuskan harta tanah tersebut kepada pihak ketiga; gantirugi; faedah dan kos kepada plaintiff

**Diputuskan** (membenarkan tuntutan plaintiff dengan kos):

(1) Adalah jelas bahawa notis penamatan perjanjian oleh defendant pertama telah berkuatkuasa dengan serta merta. Bagaimanapun, mengikut terma perjanjian tersebut, adalah jelas bahawa defendant pertama telah gagal untuk memberikan tempoh 14 hari kepada plaintiff untuk memfaillkan permohonan khusus dan dengan itu, plaintiff telah dinafikan haknya untuk membuat remedii kepada apa-apa pemecahan yang telah berlaku keatas perjanjian tersebut (perenggan-perenggan 19-20)

(2) Mengikut terma perjanjian tersebut, penamatan perjanjian hanya boleh berlaku pada 12 Mac 2011, iaitu 14 hari daripada notis menamatkan perjanjian. Ini bermakna bahawa sewaktu plaintiff menyerahkan cek tersebut, perjanjian tersebut masih sah. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa defendant pertama sengaja enggan menerima cek tersebut (perenggan-perenggan 21 & 27)

(3) Di dalam kes ini, defendant kedua bukan pembeli yang sah kepada harta tanah tersebut kerana beliau tidak membayar sesen pun bagi pembelian tersebut. Oleh itu, perlaksanaan spesifik boleh dikenakan terhadap defendant kedua menurut s 26(b) Akta Relief Spesifik 1950. Maka, defendant kedua bukan pembeli '*bona fide*' kepada harta tanah tersebut. (perenggan-perenggan 29-30)

(4) Plaintiff telah berjaya mengasaskan tuntutan terhadap kedua-dua defendant di atas imbalan kebarangkalian. Defendant kedua dengan sengaja telah melanggar peruntukan terma-terma perjanjian tersebut. Oleh itu, penamatan perjanjian tersebut oleh defendant pertama adalah tidak sah dan terbatal (perenggan 31)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Takako Sakao v. Ng Pek Yuen & Anor [2009] 3 MLRA 74 (dukuti)*

*Tan Sin Thew Iwn Rintas Sdn Bhd & Lagi [1993] 4 MLRH 806 (dirujuk)*

**Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s 114(g)

Specific Relief Act 1950, s 26(b)

**Kaunsel:**

*Bagi pihak plaintiff: Ian Hee Soon (Wong Kai Fen bersama beliau), Tetuan Tan Hee Soon, Wong & Partners*

*Bagi pihak defendant: S Vijayaretnam, Tetuan Viezay & Co*

## PENGHAKIMAN

Zainal Azman Aziz H:

### A. Pengenalan

[1] Plaintiff di dalam kedua-dua kes di atas memfailkan saman terhadap defendant, Bersatu-BHV Sdn Bhd (Saman No: 22NCVC-47-04-2012) dan Hew Ah Choo @ Hew Nyew (Saman No: 22NCVC-140-11-2012) di atas satu perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010 yang mana telah ditamatkan oleh defendant. Kedua-dua kes telah disatukan dan didengar bersekali memandangkan pihak-pihak yang terlibat adalah sama.

[2] Secara ringkasnya plaintiff menyatakan tuntutan mereka terhadap defendant (saman No: 22NCVC-140-11-2012) adalah seperti berikut:

1. Pada 23 Mac 2010 plaintiff telah memasuki perjanjian jual beli dengan Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) sebagai Pemaju, untuk membeli sebuah harta tanah Kedai Pejabat 3 Tingkat (3 Storey Shop Office) yang akan dibina atas harta tanah Lot No KP38, berukuran 1,540 kaki persegi di Taman Tasik atas Lot J(5) Zon 1, Plot 2, Jalan Batu Pahat, Kluang, Johor (selepas ini dikenali sebagai "harta tanah tersebut") dengan harga RM425,000.00.
2. Pada 20 Januari 2010 plaintiff dan seorang lagi bernama Chi Ho Pei (No K/P: 580405-89-5038) telah ditawarkan pinjaman sebanyak RM364,000.00 oleh Public Bank Berhad melalui surat tawaran bertarikh 20 Januari 2010 (selepas ini dikenali sebagai "pinjaman tersebut") untuk membiayai sebahagian harga pembelian harta tanah tersebut.
3. Plaintiff telah membuat bayaran untuk sebahagian harga pembelian sebanyak RM61,000.00 kepada Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) dan Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah mengeluarkan resit No BHV 0840, BHV 0841 dan BHV 0955 untuk bayaran-bayaran tersebut.
4. Pada 3 November 2010, plaintiff telah membayar RM3,685.15 sebagai faedah kelewatan membayar harga pembelian harta tanah tersebut kepada Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) dan Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah mengeluarkan resit No BHV-0939 untuk bayaran tersebut.
5. Pada 3 November 2011, Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah mengesahkan kepada pihak Public Bank Berhad bahawa pembeli (plaintiff) telah menjelaskan kesemua perbezaan antara harga pembelian dan pinjaman iaitu sebanyak RM61,000.00.

- 6 Pada 12 November 2010, Perjanjian Pinjaman (Facilities Agreement), Surat ikatan Peserahan Hak (Deed of Assignment) dan Surat Wakil Kuasa (power of attorney) telah disetemkan oleh peguamcara M/S K Sila Dass & Partners selaku peguam bagi Public Bank Berhad dan pada 15 November 2010, peguamcara tersebut telah menasihatkan Public Bank Berhad untuk mengeluarkan pinjaman sebanyak RM364,000.00 kepada pihak defendant.
- 7 Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah memberikan persetujuannya terhadap Deed of Assignment dan berakuraji akan menyerahkan suratan Hakmilik strata harta tanah serta memorandum pindahmilik yang ditandatangani kepada pihak Public Bank Berhad apabila dokumen hakmilik telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- 8 Pada 29 November 2010, pihak Public Bank Berhad telah membuat pengubahan/pindaan terhadap surat tawaran pinjaman bertarikh 20 Januari 2010 dengan menurunkan jumlah pinjaman yang dibenarkan daripada RM364,000.00 kepada RM360,000.00. Apabila mendapati surat tawaran pinjaman bertarikh 20 Januari 2010 tersebut mencatatkan jumlah RM429,000.00 sebagai amaun harga pembelian sedangkan harga dalam perjanjian jual beli hanya RM425,000.00 sahaja.
- 9 Pada 26 Februari 1011, Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah secara satu pihak (“unilateral”) dan secara salah dan tidak sah menamatkan perjanjian jual beli. Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) telah gagal memberi notis bertulis seperti yang diwajibkan oleh perenggan 8(2) perjanjian jual beli.
- 10 Defendan sebagai CEO kepada Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) adalah terlibat dalam menamatkan perjanjian jual beli antara Plaintiff dan Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T).
- 11 Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T) dan defendant telah menandatangani Deed of Assignment bertarikh 21 Mac 2012 untuk memindahmilik harta tanah tersebut kepada defendant secara *mala fide*.
- 12 Defendant telah memasuki Deed of Assignment bertarikh 21 Mac 2012 dengan pengetahuan tentang jual beli antara plaintiff dan Bersatu-BHV Sdn Bhd (No Syarikat: 316274-T). Deed of Assignment tersebut dokumen palsu bertujuan menghapuskan hak plaintiff ke atas harta tanah tersebut.
- 13 Defendant bukanlah seorang penerima pindahmilik untuk nilai dan adalah seorang pembeli tanpa “good faith” dan *mala fide*.

14. Deed of Assignment bertarikh 21 Mac 2012 adalah tidak sah dan terbatas.

[3] Oleh itu, isu-isu yang dipertikaikan adalah seperti berikut:

- 1 Sama ada Bersatu-BHV Sdn Bhd menamatkan perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010 yang ditandatangani dengan plaintif secara sah di sisi undang-undang.
- 2 Sama ada perjanjian (Deed of Assignment) yang dimasuki antara defendant dengan Bersatu-BHV Sdn Bhd bertarikh 21 Mac 2012 adalah sah di sisi undang-undang.
- 3 Sama ada pindahmilik harta tanah tersebut dari Bersatu-BHV Sdn Bhd ke defendant adalah secara *mala fide*.
- 4 Sama ada plaintif berhak menuntut perlaksanaan spesifik terhadap Bersatu-BHV Sdn Bhd dan defendant untuk meneruskan perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010.
- 5 Sama ada plaintif berhak mendapatkan perintah declarasi bahawa pindahmilik daripada Bersatu-BHV Sdn Bhd dan defendant melalui Deed of Assignment bertarikh 21 Mac 2012 adalah tidak sah.
- 6 Sama ada plaintif berhak mendapatkan perintah injunksi menghalang Bersatu-BHV Sdn Bhd dan defendant daripada melupuskan harta tanah tersebut kepada pihak ketiga.

#### B. Kes Plaintiff

[4] Menurut plaintif, ia telah membeli sebuah rumah kedai tiga tingkat daripada pemaju defendant dan menurut perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010, harga yang dipersetujui adalah sebanyak RM425,000.00. Plaintiff telah pun menjelaskan jumlah RM61,000.00 kepada defendant semasa menandatangani perjanjian jual beli (eks P1) melalui invoice-invois (P9, P10, P11).

[5] Plaintiff dan ibunya, Chi Ho Dei telah mendapatkan kemudahan pinjaman sebanyak RM364,000.00 daripada Public Bank Berhad untuk membayai pembelian harta tanah tersebut dan dikemukakan dokumen-dokumen surat tawaran (P27), perjanjian kemudahan (P14), Deed of Assignment (P2) dan power of attorney (P3). Plaintiff telah pun menjelaskan bayaran faedah kepada pemaju sebanyak RM3685.15 pada 3 November 2010 kepada defendant (P12).

[6] Pada tarikh yang sama, iaitu 3 November 2010, pemaju telah menulis surat kepada pihak bank tentang perbezaan antara kemudahan pinjaman dan harga belian sebanyak RM61,000.00 yang mana telah dibayar oleh plaintiff (D26). Pada 12 November 2010, dokumentasi perjanjian telah pun distampkan oleh peguam pihak bank, tetuan M/s K Sila Dass and Partners dan memaklumkan pihak bank untuk membatalkan jumlah pinjaman kepada defendant (P19).

[7] Pada 29 November 2010, pihak bank telah membuat pindaan kepada jumlah pinjaman asal sebanyak RM364,000.00 kepada RM360,000.00 (P8) Di mana jumlah ini telah dipersetujui oleh plaintif dan ibunya selaku peminjam bersama pada 21 Disember 2010

[8] Oleh itu, terdapat lebihan jumlah sebanyak RM4,000.00 yang harus dibayar oleh peminjam kepada pemaju sebelum pinjaman dilepaskan kepada pemaju pemaju tertakluk kepada pengesahan daripada pemaju yang mana jumlah RM4000.00 akan dibayar.

[9] Plaintiff dan ibunya telah berkali-kali membuat cubaan untuk membayar jumlah tersebut kepada pihak pemaju dengan hadir sendiri ke pejabat pemaju namun pejabat pemaju/defendant telah enggan untuk menerima jumlah RM4000.00 daripada plaintiff tetapi meminta lebihan jumlah sebanyak RM72,750.00 daripada plaintiff.

[10] Oleh kerana pemaju enggan menerima wang pembayaran sebanyak RM4000.00 secara tunai, plaintiff telah menyerahkan cek melalui kourier kepada defendant pada 8 Mac 2011 (P28)

[11] Malangnya, pada 26 Februari 2011 pemaju melalui surat bertarikh 26 Februari 2011 telah menamatkan perjanjian tersebut secara unilateral (P23) dan pada 9 Mac 2011 telah memulangkan cek kepada plaintiff menyatakan perjanjian telah ditamatkan (P20).

[12] Plaintiff dengan itu mendakwa pihak pemaju/defendant telah dengan sengaja melanggar peruntukan para 8.02 perjanjian tersebut dan memulakan tindakan terhadap pihak defendant-defendant.

### C. Pertimbangan Mahkamah

[13] Daripada keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak di hadapan mahkamah, isu yang harus diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada penamatkan perjanjian jual beli oleh pemaju/defendant adalah sah.

[14] Merujuk kepada perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010 (P1) di s 8.01 memperuntukkan:

“The developer may subject to the provisions of 8.02 hereof to annul the sale of the said property and forthwith terminate this agreement and thereupon this agreement shall become null and void and of no further effect .”

[15] Seksyen 8.02 puja menyatakan:

Section 8.02 – Notice of Breach

“If the purchaser fails to comply with any of the terms of this agreement or if any of such unpaid instalment or interest remain unpaid for any period in excess of 28 days after its due date, the developer or their solicitors shall give the purchaser not less than 14 days notice in writing by registered post to treat this agreement as having been repudiated by the purchaser and unless in the

meanwhile such default and/or breach is rectified or such unpaid instalment or interest are paid, this agreement, at the expiration of such notice, shall be deemed to be null and void ”

[16] Adalah jelas bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan segala termasuk perjanjian jual beli dan ia jelas dengan merujuk kepada s 8.02, notis bertulis bagi tempoh 14 hari harus diberi kepada pembeli oleh pemaju dan pembeli diberi peluang untuk membuat remedii kepada pemecahan dan hanya selepas tempoh 14 hari barulah pemaju boleh menganggap perjanjian telah ditamatkan.

[17] Oleh kerana surat penamatan tersebut bertarikh 26 Februari 2011 (P3) pemaju menyatakan plaintif telah gagal untuk membayar bayaran progresif sebanyak RM172,750.00 dan dengan itu gagal mematuhi peruntukan s 4.03 perjanjian dan pemaju menggunakan pakai s 8.01 untuk menamatkan perjanjian serta merta

[18] Daripada kandungan surat bertarikh 26 Februari 2011 (P5) pemaju/defendant menyatakan “pursuant to the above section, we now exercise our rights under the said section to annul the sales of the said property and forthwith terminate the said sales and purchase agreement whereby the said sale and purchase agreement will now become void and have no further effect ”

[19] Adalah jelas bahawa pemaju/defendant telah gagal untuk memberikan tempoh 14 hari kepada pembeli memfailkan permohonan khusus di s 8.02 dan dengan itu, pembeli telah dinafikan hak mereka untuk membuat remedii kepada apa-apa pemecahan jika benar-benar ianya telah berlaku

[20] Jelas, notis penamatan adalah bertarikh 26 Februari 2011 dan berkuatkuasa serta merta. Jika pemaju/defendant memberikan notis pada 26 Februari 2011, penamatan perjanjian hanya boleh berlaku pada 12 Mac 2011.

[21] Ini juga bermakna bahawa sewaktu plaintif menyediakan cek sebanyak RM4000.00 kepada defendant pada 9 Mac 2011, perjanjian tersebut masih sah kerana tempoh penamatan hanya berlaku pada 12 Mac 2012. Ini menunjukkan juga defendant sengaja enggan untuk menerima jumlah RM4,000 00 yang diminta oleh plaintif pada 9 Mac 2011.

[22] Keterangan SP2 di mahkamah juga jelas menunjukkan ia telah hadir berkali-kali di pejabat defendant untuk membayar jumlah RM4,000 00, iaitu sebanyak lima kali dan wakil defendant Sylvia telah enggan menerima pembayaran sebanyak RM4000.00 tersebut tetapi meminta jumlah RM172,750.00

[23] defendant juga telah gagal untuk memanggil Sylvia sebagai saksi mahkamah untuk menafikan keterangan SP2 dan dengan itu, mahkamah menggunakan s 114(g) Akta Keterangan 1950 di mana adverse inference boleh dibuat terhadap defendant

[24] Defendan melalui keterangan saksi tunggal mereka, SD1 menyatakan defendan telah menamatkan perjanjian jual beli melalui surat bertarikh 26 Februari 2011 di atas kegagalan plaintif untuk membayar jumlah RM172,750.00. Dan dengan itu, defendan dengan sah telah memulangkan cek sebanyak RM4,000.00 kepada plaintif pada 9 Mac 2011 dan dengan itu penamatkan perjanjian jual beli adalah muktamad. Defendan juga menyatakan apa-apa masalah di antara plaintif dengan pihak bank tiada kena mengena dengan mereka.

[25] Malangnya, keterangan SD1 ini bercanggah dengan surat asal defendan kepada pihak bank dan jelas dengan merujuk kepada D39, D40, D41 dan D42, defendan sememangnya mengetahui akan perbezaan jumlah pinjaman sebanyak RM4,000.00 tersebut. Dengan itu, tindakan defendan meminta jumlah RM172,750.00 daripada plaintif menunjukkan niat sebenar defendan untuk tidak mematuhi peruntukan di dalam perjanjian jual beli tersebut.

[26] Jelas, plaintif telah pun mendapat kemudahan pembiayaan sebanyak RM 360,000.00 daripada pihak bank. Dan pihak peguam bank juga telah menasihatkan bank untuk melepaskan jumlah pinjaman. Ini menunjukkan pihak pembeli pada setiap masa bersedia dan akur untuk membuat apa-apa pembayaran kepada defendan untuk memenuhi syarat-syarat perjanjian jual beli tetapi dihalang oleh tindakan defendan yang enggan untuk menerima jumlah RM4,000.00 tersebut, yang mana prasyarat untuk pelepasan pinjaman daripada pihak bank.

[27] Jelas, pihak defendan tanpa sebab yang munasabah telah dengan sengaja enggan menerima membayar RM4,000.00 daripada plaintif dan dengan itu, menafikan hak plaintif untuk meneruskan pembelian sepertimana termasuk dalam perjanjian jual beli tersebut.

[28] Merujuk kepada kes *Tan Sim Thew Iwn. Rintas Sdn Bhd & Lagi* [1993] 4 MLRH 806 mahkamah memutuskan antara lain:

“Beban bukti adalah terletak ke atas defendant kedua untuk membuktikan bahawa beliau adalah pembeli suci hati yang memberikan balasan yang bernilai tanpa notis terhadap kontrak yang terdahulu supaya beliau dapat menjadi pihak yang termasuk dalam kekecualian yang diperuntukkan oleh s 26 Akta Relif Spesifik 1950 ”

Since he has tender no evidence at all either by himself or other witness that he has bought the property in good faith without notice of plaintiff's claim and the burden of proof has not been discharged by him, it is safe to conclude that he is not a good faith purchaser and that there is no reason at all that his claim shall have priority over that of the plaintiff's. Hence he shall not be allowed to avail the exception of the said s 26 ”

[29] Di dalam kes ini juga, Hew Ah Choo adalah pembeli yang tidak sah kepada harta tanah tersebut kerana beliau tidak membayar sesen pun bagi pembelian tersebut. Oleh itu, 'specific performance' bagi kontrak boleh dikenakan terhadap Hew Ah Choo menurut s 26(b), Akta Relief Spesifik 1950.

### Spccific Relief Act 1950

"Except as otherwise provided by this chapter specific performance of a contract may be enforced against:

- [b] any other person claiming under a party to the contract by a title arising subsequently to the contract, except a transferee for value who has paid his money in good faith and without notice of the original contract;

[30] Menerima pakai keputusan kes *Takako Sakao v Ng Pek Yuen & Anor* [2009] 3 MLRA 74, mahkamah dengan ini mendapati dan memutuskan bahawa Hew Ah Choo bukanlah pembeli '*bona fide*' kepada harta tanah tersebut tetapi hanyalah wakil defendant dan Deed of Assignment tersebut hanya dibuat untuk menafikan hak plaintiff bagi perintah pelaksanaan spesifik

### D. Keputusan Mahkamah

[31] Di atas imbangan kebarangkalian, mahkamah dengan ini mendapati dan memutuskan pihak plaintiff telah berjaya mengasaskan tuntutan mereka terhadap kedua-dua defendant di dalam kedua-dua kes tersebut:

dan defendant dengan sengaja telah melanggar peruntukan s 8.02 perjanjian jual beli dan dengan itu, penamatian defendant adalah tidak sah dan terbatal.

[32] Dengan itu permohonan plaintiff dibenarkan, sepetimana berikut:

- i) Satu perintah pelaksanaan spesifik ["Specific Performance"] terhadap defendant Bersatu-BHV Sdn Bhd perjanjian jual beli bertarikh 23 Mac 2010 untuk memindahmiliki Kedai Pejabat 3 Tingkat [3 storey shop office] yang akan dibina atas harta tanah Lot No KP 38, berukuran 1,540 kaki persegi di Taman Tasik atas Lot J[5] Zon 1, Plot 2, Jalan Batu Pahat, Kluang, Johor kepada plaintiff;
- ii) Satu perintah perlaksanaan spesifik ["Spesific Performance"] terhadap defendant kedua untuk memindahmiliki Kedai Pejabat 3 Tingkat [3 Storey shop office] yang akan dibina atas harta tanah Lot No KP 38, berukuran 1,540 kaki persegi di Taman Tasik atas Lot J[5] Zon 1, Plot 2, Jalan Batu Pahat, Kluang, Johor kepada plaintiff;
- iii) Deklarasi bahawa surat penamatian defendant Bersatu-BHV Sdn Bhd bertarikh 26 Februari 2011 adalah tidak sah dan terbatal;
- iv) Deklarasi bahawa pindahmiliki daripada Bersatu-BHV Sdn Bhd kepada defendant melalui Deed of Assignment bertarikh 21 Mac 2012 adalah tidak sah;

- 
- v) Satu injunksi menghalang defandan-defandan Bersatu-BHV Sdn Bhd dan Hew Ah Choo daripada melupuskan hartaanah tersebut kepada pihak ketiga;
  - vi) Gantirugi ditaksir dan dibayar oleh defandan-defandan Bersatu-BHV Sdn Bhd dan Hew Ah Choo kepada plaintif;
  - vii) Faedah dan kos kepada plaintif
-